

**LAPORAN
UNTUK JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**

**KAJIAN KEBERKESANAN
PROGRAM LAWATAN INTEGRASI
DALAM MEMUPUK
INTEGRASI NASIONAL**



Disediakan oleh:
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

LAPORAN
KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM LAWATAN INTEGRASI
DALAM MEMUPUK INTEGRASI NASIONAL

ABSTRAK

Program Lawatan Integrasi telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak tahun 1984 yang bertujuan untuk mempercepat dan memperkukuhkan semangat integrasi nasional antara masyarakat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Menerusi program ini, peserta-peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat akan mengadakan lawatan integrasi ke wilayah yang berbeza iaitu seperti dari Semenanjung ke Sarawak atau Sabah, dan sebaliknya. Setelah lebih 20 tahun dilaksanakan, keberkesanan program ini dalam mengukuhkan integrasi nasional perlu dinilai semula. Sehubungan itu, objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji keberkesanan Program Lawatan Integrasi dalam mencapai matlamatnya, menentukan tahap keberkesanannya dalam meningkatkan integrasi dan mengetahui sejauh mana peserta terlibat dapat memanfaatkan faedah lawatan tersebut kepada komuniti mereka. Dengan mengaplikasikan pendekatan Hipotesis Kontak (Allport 1954; Cook 1984; Harrington & Miller 1992; Jackson 1993; Patchen 1999; Pettigrew & Tropp 2006), kajian ini telah mengambil seramai 240 orang responden yang telah mengikuti Program Lawatan Integrasi bagi tempoh 2005 hingga 2007. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Program Lawatan Integrasi telah berjaya mengukuhkan persepsi positif responden, meningkatkan pengetahuan mereka, membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan lebih baik, membina jalinan interaksi yang berterusan dan akhirnya mengukuhkan semangat cintakan negara secara keseluruhannya. Di samping itu, kajian ini turut mendapati bahawa peserta telah dapat mengongsikan persepsi, pengetahuan, sikap toleransi dan semangat patriotisme yang diperolehi ketika lawatan, dengan kelompok asalnya. Oleh itu, keberkesanan Program Lawatan Integrasi telah dapat dimanfaatkan oleh peserta bagi meningkatkan kebolehan mereka untuk menjalankan tugas sebagai agen integrasi di peringkat tempatan dengan lebih berkesan. Dalam bahagian akhir ini, telah disarankan beberapa cadangan untuk penambahbaikan dan pemantapan Program Integrasi Nasional pada masa akan datang.